



JABATAN Bomba dan Penyelamat turut memberikan kerjasama dengan menyediakan bot untuk membersihkan tasik dalam program Gotong-royong Perdana di Bandar Tasik Kesuma, Beranang, Semenyih, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN/SHIDDIQIN ZON

Penduduk minta taman tasik rekreasi disenggara pihak berkuasa

Ikon Tasik Kesuma tercemar

Oleh SITI AINIZA KAMSARI
kota@utusangroup.com.my

SEMENYIH 23 Okt. - Bandar Tasik Kesuma, Beranang dekat sini bukan saja menerima namanya sempena sebuah tasik yang terdapat di situ, malah menjadi ikon kawasan perumahan itu.

Malangnya, tasik yang agak menarik pada pandangan mata kasar itu kini tercemar kerana tiada pihak yang menjaganya. Tasik itu

terbiar dan dikatakan dijadikan tempat pembuangan sampah oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Tasik yang terdapat sebuah pulau di tengah-tengahnya itu juga didakwa telah menelan korban apabila terdapat pengunjung yang mati lemas di situ.

Menurut penduduk sekitar, tasik itu terbiar begitu sahaja sejak hampir sepuluh tahun lalu. Tiada pihak yang menjaganya, termasuk pihak

pemaju perumahan, Jabatan Saliran dan Pengairan (JPS), apatah lagi Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ).

Penduduk kesal kerana pihak berkenaan tidak prihatin terhadap pemuliharaan dan kelestarian tasik tersebut yang mempunyai potensi besar untuk dibangunkan dan meminta pihak berkaitan berbuat sesuatu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati tasik tersebut yang mempunyai kemudahan trek jogging, ta-

man permainan kanak-kanak dan beberapa buah pondok wakaf, namun semuanya tidak disenggara sehingga menyebabkan persekitaran yang sepatutnya menarik menjadi sebaliknya.

Ada pihak yang tidak bertanggungjawab telah menjadikan tasik itu tempat pembuangan sampah, dan sekiranya tiada usaha merawatnya dilakukan, pencemaran air tasik itu akan semakin teruk.

Sekeliling tasik itu pula dipagari

oleh semak dan belukar yang didakwa dijadikan tempat perlakuan maksiat.

Bukan masalah berhubung tasik itu sahaja yang membelenggu penduduk. Mereka mendakwa sejak kawasan perumahan itu dibuka dan didiami sejak tahun 1998, masih banyak kemudahan dan infrastruktur masih tidak disediakan oleh pihak pemaju di Bandar Tasik Kesuma, termasuk sebuah masjid, balai atau pondok polis dan dewan orang ramai.